

SOROTAN LITERATUR TERHADAP POLEMIK PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN DI MALAYSIA*

A Literature Review on Marriage Without Permission in Malaysia

Siti Aishah Borhanuddin

*Master Candidate, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
sitiaishahborhanuddin@gmail.com*

Mahamatayuding Samah (Corresponding Author)

*Senior Lecturer, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
mahyudin@um.edu.my*

Mohd Norhusairi Mat Hussin

*Senior Lecturer, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
husairi@um.edu.my*

ABSTRACT

Today's culture is increasingly experiencing the phenomena of unregistered marriage or marriage on the fly, as though it doesn't care about the long-term effects. There were many different justifications and statements, such as the difficulty of the marriage process or the strictness of the law. As a result, it is important for this study to highlight earlier research from the viewpoint of the theory and notion of marriage without permission under

* The authors would like to express gratitude to the Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya for the Special Research Grant (Grant No: UMG005L-2022)

Islamic law. Examining the problems associated with unrequited marriage in Malaysian society is another goal of this study. This study was written using a qualitative methodology, with literature sources serving as the primary source of information. In addition to discussing syarak and legislation, the study's findings demonstrate.

Keywords: marriage, marriage without permission, Shariah, Islamic family law, Islamic law

PENDAHULUAN

Perkahwinan tanpa kebenaran telah berlaku di Malaysia sejak beberapa tahun lampau lagi, Namun begitu, ia tidak terlalu menjadi soroton dalam masyarakat dek kurangnya pendedahan mengenai akibat dari kesalahan ini. Pada tahun 2015, Rozana Misbun yang bernikah dengan pasangannya Ahmad Azhar Othman menyedari bahawa perkahwinannya selama lapan tahun tidak didaftarkan sama sekali di mana-mana negeri setelah isteri bertindak memeriksa status perkahwinan itu di Pejabat Agama Islam Pulau Pinang. Perkahwinan tersebut telah berlangsung di Songkhla, Thailand pada 2005 secara rahsia kerana bimbang diketahui oleh isteri pertama ketika itu. Suami tampil menjelaskan bahawa meskipun mereka telah ditipu oleh ejen nikah di negara itu, namun kedudukan perkahwinan mereka dari sudut syarak adalah sah. Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Pentadbiran Undang-Undang Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) Yusoff Abu Bakar telah memberi respon akan perkara ini dengan melaporkan kepada Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan bahawa segala dokumen pernikahan yang dimiliki pasangan tersebut selama perkahwinan adalah palsu dan segala keputusan kesahan perkahwinan ini terletak di bahu Mahkamah Syariah.¹

Selain itu, berdasarkan Harian Metro yang dilaporkan oleh Ahmad Faez (2019) dalam kes yang hampir serupa, Nik Ahmad Farhan Nik Muhamad didapati oleh Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melakukan kesalahan poligami tanpa kebenaran mahkamah dengan berkahwin dengan seorang wanita Malaysia di Arab Saudi seusai mengerjakan ibadah umrah. Beliau juga turut didakwa telah melanggar seksyen 23 enakmen Undang-Undang keluarga Islam negeri Selangor (2003) yang membawa hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya sekali.² Statistik dari Jabatan

¹ <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2015/01/09/rozana-tegur-awie>, Akses Pada 5 Mei 2022.

² Nur Lela Zulkipli (2019), “Kes Dai Farhan Diadu Kepada JAIS”, *Harian Metro*, 12 Disember 2019.

Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) yang disampaikan oleh Penolong Pengarah Kanan JAWI, Muhammad Nasir Abdullah (2020) menyatakan bahawa sebanyak lebih 500 kes perkahwinan tanpa kebenaran telah direkodkan bermula oktober 2017 sehingga oktober 2018 di Wilayah Persekutuan, Putrajaya dan Labuan yang kebanyakannya melibatkan perkahwinan poligami atas dasar ingin merahsiakan perkahwinan dari isteri pertama.³

Sementara itu, Pengarah Bahagian Penyelarasan, Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu Mohd Kori Jusoh (2019) pula menganggarkan bahawa 70 peratus kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran yang menggunakan khidmat nikah sindiket atau nikah ekspres yang tidak sah syarak pula kebanyakannya adalah kesalahan yang berkaitan wali.⁴ Menurut Dr. Ismail Salleh (2019) selaku Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Pembangunan Luar Bandar, Agama dan Syarikat berkaitan Kerajaan Negeri mengeluarkan statistik di negeri Kedah bahawa kenaikan kes perkahwinan tanpa kebenaran sebanyak 799 pada 2019 berbanding 566 kes pada 2017. Kesemua kesalahan ini sering merangkumi kesalahan perkahwinan dan poligami tanpa kebenaran.⁵ Jabatan Agama Islam Negeri Johor (2021) yang telah merekodkan kes perkahwinan tanpa kebenaran bermula tahun 2016 sehingga 2020 dengan catatan bermula 2016 dengan kesalahan sebanyak 57 kes, 2017 dengan 246 kesalahan, 2018 dengan 358 kesalahan dan tahun 2019 dengan 343 kesalahan yang merangkumi poligami tanpa kebenaran mahkamah, perkahwinan tanpa kebenaran pihak berkuasa, kahwin tanpa wali dan perkahwinan yang lambat didaftarkan.⁶

Justeru itu, kesemua kes berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran di Malaysia dilihat berada di situasi yang membimbangkan pada saban tahun. Ini kerana kesalahan yang dilakukan mencakupi pelbagai aspek kesalahan seperti poligami, kahwin lari, pernikahan tanpa wali dan sebagainya. Keperluan kepada menyelesaikan polemik ini dilihat semakin mencabar serta memerlukan kepada agenda yang lebih kemas dan pelaksanaan implementasi undang-undang Islam yang lebih kukuh.

³ Bernama (2018), “JAWI Rekodkan Lebih 500 Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran”, *Astro Awani*, 24 Oktober 2018.

⁴ Osman Lisut (2019), “70 Peratus Nikah Sindiket Tidak Patuh Syariah”, *Berita Harian*, 14 April 2010.

⁵ Bernama (2019), “Ejen Nikah Dedah Dua Alasan Utama Kahwin di Thailand”, *Astro Awani*, 4 Mac 2019.

⁶ Hasil dapatan kajian penulis pada tahun 2021.

KONSEP PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN

Jika ditelusuri definisi perkahwinan tanpa kebenaran menurut hukum syarak, kesalahan yang sering dikaitkan dengan perkahwinan ini adalah pelanggaran terhadap wali. Menurut Noor Salwani Hussin (2015: 48) berdasarkan pandangan mazhab Syafii yang berpendapat bahawa wali adalah syarat sah kepada sebuah perkahwinan serta merupakan rukun nikah yang paling penting dalam sebuah perkahwinan. Justeru itu, seorang perempuan wajib mendapatkan persetujuan dan keizinan daripada wali atau penjaganya. Penekanan dalam menepati syarat ketika melakukan akad nikah bermula dari memastikan keberadaan wali telah disabdakan oleh Rasulullah SAW berdasarkan hadis Riwayat Aisyah R.A iaitu:

أَيْمًا امْرَأٌ نُكْحِتْ بِغَيْرِ إِذْنٍ وَلِيّهَا؛ فَنِكَاحُهَا باطِلٌ، فَنِكَاحُهَا باطِلٌ،
فَنِكَاحُهَا باطِلٌ فَإِنْ دَخَلَ بَهَا؛ فَلَهَا الْمَهْرُ بِمَا اسْتَحْلَلَ مِنْ فِرْجِهَا فَإِنْ أَشْتَجَرُوا
فَالسُّلْطَانُ وَلِيٌّ مِنْ لَا وَلِيَّ لَهُ.

“Mana-mana perempuan yang berkahwin tanpa izin walinya, perkahwinan tersebut adalah batal. Perkahwinan tersebut adalah batal. Perkahwinan tersebut adalah batal. Jika telah disetubuhi oleh pasangannya, dia berhak menerima mas kahwin untuk menghalalkan farajnya. Jika berlaku salah faham tentang wali, maka sultan ialah wali kepada mereka yang tidak berwali.”⁷

Berdasarkan hadis yang dipaparkan tersebut, Shuhairimi Abdullah, Noor Salwani Hussin dan Abdul Jalil Ramli (2021: 8) mendefinisikan bahawa pernikahan seseorang boleh menjadi tidak sempurna bahkan tidak sah kerana wali yang layak untuk menikahkan pengantin perempuan tidak wujud sebagaimana yang telah diulang oleh Rasulullah SAW melalui pernyataan “nikahnya batal” sebanyak tiga kali.

Atiqah Hazman, Bahiyah Ahmad dan Norhidayah Pauzi (2020: 268-290) turut melakukan diskusi mengenai isu perkahwinan tanpa wali nasab serta menjelaskan bahawa keberadaan fatwa di Malaysia boleh dirujuk sebagai penetapan kedudukan sesuatu perkahwinan di sisi syarak terutama dalam isu wali pernikahan. Oleh itu, sebuah takrifan yang lebih khusus boleh dikonotasikan melalui Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002

⁷ Abu Isa Muhammad bin Isa bin Saurah bin Musa at-Tirmizi (t.t). Al-Jamiu' As-Sahih wahuwa Sunan At-Tirmizi, vol. 3. Bayrūt: Dār al-Kutub Al-A'lamiyah, 407, Bab Ma Ja'a La Nikah Illa Biwaliy,' ḥadīth no. 1102.

yang telah diputuskan bahawa hukum pernikahan di luar negara adalah sah dengan syarat:

1. Pernikahan itu mengikut rukun nikah.
2. Pernikahan itu melebihi dua marhalah.
3. Tiada keputusan mahkamah yang menghalang perempuan itu berkahwin atas alasan syarat tempatnya bermastautin.
4. Pernikahan itu dilakukan oleh wali hakim yang diiktiraf oleh wilayah negara berkenaan dan diakadnikahkan di wilayah berkenaan di mana ia ditauliahkan sebagai wali hakim (Bahagian Pengurusan Fatwa, 2010: 157-158).⁸

Kamus Dewan (2007) telah memberi definisi perkahwinan tanpa kebenaran sebagai kahwin lari yang merupakan perkahwinan atau pernikahan yang dilakukan oleh pasangan yang suka sama suka ditempat lain tanpa restu dan tidak disaksikan oleh keluarga.⁹ Nurul Hidayah Abdul Karim dan Siti Hajar Abdul Rauf (2020: 101–112) menghuraikan semula definisi tersebut dari aspek rukun nikah terhadap perkataan ‘tanpa disaksikan’ bermaksud tanpa kehadiran ahli keluarga dalam perkahwinan. Ini disebabkan adanya saksi adalah salah satu rukun dalam perkahwinan yang wajib disertakan.

Menurut Mohammad Azam Hussain dan Fauziah Mohd Noor (2020: 93) terdapat kepelbagaiannya istilah yang digunakan bersandarkan undang-undang keluarga Islam yang diaplikasikan dalam mendefinisikan perkahwinan tanpa kebenaran dalam masyarakat iaitu pernikahan merentasi sempadan, kahwin luar sempadan, kahwin lari atau kahwin koboi. Noor Salwani Hussin (2015: 77) dan Noraini Md Hashim (2011: 3) menjelaskan bahawa perkahwinan tanpa kebenaran boleh terjadi samada tidak sah disisi syarak atau undang-undang bahkan tidak terkecuali dari segi adat. Manakala Hasnizam Hashim, Intan Nadia Ghulam Khan, Haliza A. Shukor dan Nabilah Yusof (2020: 204-206) telah mengkategorikan kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran dalam beberapa bahagian seperti kahwin lari diklasifikasikan sebagai perkahwinan yang tidak mengikut Akta atau Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam dan tidak dipersetujui oleh wali. Nikah sindiket pula merupakan suatu perkahwinan yang mempunyai elemen bertentangan dengan undang-undang semasa serta hukum syarak disebabkan tidak menggunakan khidmat wali serta jurunikh yang bertauliah. Begitu juga dengan poligami tanpa kebenaran dan pernikahan

⁸ Bahagian pengurusan Fatwa (2010), *Kompilasi pandangan Hukum (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia)*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

⁹ Kamus Dewan (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

bawah umur merupakan suatu kesalahan perkahwinan tidak mengikut prosedur Hakim Syarii dan Mahkamah Syariah.

Konsep perkahwinan tanpa kebenaran secara lebih meluas telah diuraikan oleh Mohd Nasran Mohammad (2008: 45-59) yang pada kebiasaannya diakadkan oleh wali hakim tanpa menjalani prosedur yang telah digazetkan dalam mana-mana Akta atau Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam bahkan tidak dipersejui oleh wali pengantin perempuan. Perkahwinan ini kebiasaannya sama sekali tidak mendapat kebenaran pendaftar Nikah Cerai Rujuk (NCR) di tempat mastautin pasangan selain perkahwinan ini boleh berlaku di luar negara atau di dalam negara melalui ejen nikah sindiket tanpa kebenaran wali dan pendaftar (NCR). Meskipun begitu, nikah sindiket dalam kajian Ahmad Syamin Subari (2020) masih disifatkan sebagai suatu kesalahan undang-undang kerana tidak melalui prosedur yang ditetapkan walaupun secara zahirnya sah di sisi syarak. Tambahan pula, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 14 April 2019, mencatatkan bahawa hampir 70 peratus perkahwinan sindiket adalah tidak sah menurut syariah.¹⁰ Purata ini boleh dikaitkan dengan faktor proses dan prosedur perkahwinan di sana yang lebih mudah bahkan kosnya juga lebih murah seperti yang sering terjadi di Selatan Thailand sepertimana pernyataan Atiqah Hazman, Bahiyah Ahmad, dan Norhidayah Pauzi (2020: 268-290). Di samping itu, proses pernikahan yang menyalahi undang-undang syariah turut direkodkan sering berlaku di Thailand ataupun di Indonesia dan dilaksanakan oleh pihak yang sama sekali tidak disahkan oleh kerajaan berkenaan.¹¹

Berdasarkan undang-undang, perkahwinan tanpa kebenaran lebih dekat ditakrifkan menurut istilah perundangan Islam kerana terus merujuk kepada Akta atau Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam sebagai suatu kesalahan. Secara umumnya, peruntukan mengenai perkahwinan tanpa kebenaran adalah tertakluk kepada enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di setiap negeri di Malaysia berdasarkan jadual berikut:

NEGERI	UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
Johor	Enakmen Undang-Undang keluarga Islam (Negeri Johor) 2003

¹⁰ Osman Lisut (2019). “70 Peratus Nikah Sindiket Tidak Patuh Syariah,” Berita Harian, 14 April 2019.

¹¹ Bernama (2018). “JAWI Rekodkan Lebih 500 Kes Nikah Tanpa Kebenaran,” Astro Awani, 24 Oktober 2018.

Kedah	Enakmen Undang-Undang keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008
Kelantan	Enakmen Undang-Undang keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002
Melaka	Enakmen Undang-Undang keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002
Negeri Sembilan	Enakmen Undang-Undang keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003
Pahang	Enakmen Undang-Undang keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005
Perak	Enakmen Undang-Undang keluarga Islam (Perak) 2004
Perlis	Enakmen Undang-Undang keluarga Islam (Negeri Perlis) 2006
Pulau Pinang	Enakmen Undang-Undang keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
Sabah	Enakmen Undang-Undang keluarga Islam (Negeri Sabah 2004
Sarawak	Ordinan Undang-Undang keluarga Islam (Negeri Sarawak 2001
Selangor	Enakmen Undang-Undang keluarga Islam (Negeri Selangor 2003
Terengganu	Enakmen Undang-Undang pentadbiran Keluarga Islam (Negeri Terengganu) 1985
Wilayah-Wilayah Persekutuan	Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

Sumber: Portal Rasmi E-Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Menurut Anis Shuhaida Md Salleh dan Noor ‘Aza Ahmad (2010: 148-155), walaupun enakmen yang diterapkan dalam negeri adalah berbeza serta telah melalui beberapa pindaan, namun secara umumnya prinsip undang-undang yang digunakan adalah sama dan tidak bertentangan dengan hukum syarak berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah. Oleh itu, hampir kesemua negeri di Malaysia mengamalkan peruntukan perkahwinan tanpa kebenaran berdasarkan seksyen atau fasal yang telah digazetkan. Noraini Mohd Hashim (2007) dalam penyelidikannya berhubung prosedur dan pendaftaran perkahwinan menyebutkan, terdapat beberapa proviso yang perlu dilengkapi oleh pasangan

dan wali berdasarkan rukun nikah dalam perspektif Undang-Undang Keluarga Islam dalam memastikan tiada pelanggaran dalam perkahwinan hingga berlaku perkahwinan tanpa kebenaran. Selain itu, pasangan pengantin perlulah memenuhi had umur minimum perkahwinan beserta keizinan dari seorang wali bagi seorang perempuan dibawah jagaannya kerana wali berhak ke atas perempuan tersebut. Pelanggaran dari proviso yang ditetapkan membawa kepada kesalahan sepertimana tertakluk menerusi enakmen yang sama dalam bahagian 2 mengenai perkahwinan, fasal 19 dan fasal 40 (1).

Seterusnya, Amir Husin Md. Nor dan Siti Safwati Mohd Shari (2006: 145-161) menyatakan perkahwinan yang dilangsungkan diluar negara samada dengan warga asing atau warganegara adalah wajib melalui prosedur yang ditetapkan pihak berkuasa. Pernyataan ini bersesuaian dengan peruntukan Enakmen Undang-Undang keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 (Negeri Johor) 2003¹² fasal 40(1)¹³ mengenai kesalahan dalam mengakadnikahkan seseorang atau melakukan upacara akad nikah tanpa kebenaran pendaftar boleh membawa hukuman penalti tidak melebihi seribu ringgit dan penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Menurut Noor Salwani Hussin (2015: 91) jarak tempoh yang diberikan untuk seseorang yang gagal hadir di hadapan pendaftar untuk mendaftarkan perkahwinan ialah selama enam bulan dari tarikh perkahwinan. Berdasarkan enakmen yang sama fasal 35¹⁴ menyebutkan mengenai seseorang yang tidak hadir di hadapan pendaftar untuk mendaftarkan perkahwinan dalam masa yang ditetapkan boleh dikenakan penalti tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Selain itu, terdapat kategori perkahwinan yang memerlukan kepada perintah dan kebenaran Mahkamah Syariah untuk mendapatkan tindakan dari Hakim Syarii sebagaimana yang di tertera di laman web *My Government (mengurus institusi keluarga)* iaitu perkahwinan poligami, permohonan perkahwinan bawah umur, perkahwinan janda berhias, perkahwinan yang memerlukan wali hakim dan wali enggan.¹⁵ Perkara ini telah diperuntukkan di dalam fasal 18¹⁶ yang mewajibkan kategori tersebut untuk membuat permohonan di tempat mastautin masing-masing dan membayar fi tertentu sebelum mendapatkan kebenaran berkahwin dari hakim syarii. Menurut Norain Mohd Shah dan

¹² Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003 (No. 17/2003).

¹³ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003 (No. 17/2003).

¹⁴ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003 (No. 17/2003).

¹⁵ <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/27657?language=my>, Akses pada 5 Mei 2022.

¹⁶ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003 (No. 17/2003).

Khairul Azhar Meraangani (2021: 1-13) dalam analisis kajian mereka berkaitan poligami menjelaskan sesiapa yang memohon untuk berpoligami hendaklah melaksanakan prosedur yang ditetapkan dengan mengemukakan alasan berpoligami, pendapat pemohon, perincian tanggungan dan perincian bakal tanggungan dari segi nafkah, hutang dan sebagainya kepada mahkamah. Dengan ini, segala ketetapan prosedur untuk berpoligami dapat direkodkan dengan lebih sistematik dan teratur. Fasal 124¹⁷ dari enakmen yang sama telah menetapkan penalti bagi kesalahan poligami tanpa kebenaran secara bertulis dari mahkamah dengan denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Konsep yang dikemukakan bahawa perkahwinan tanpa kebenaran boleh disabitkan tidak sah samada disisi syarak atau undang-undang atau kedua-duanya sekali apabila tidak memenuhi proviso serta keperluan yang ditentukan. Secara umumnya, meskipun konsep ini kedua-duanya hampir bersifat holistik namun kewujudan Undang-Undang keluarga Islam dapat menjernihkan lagi perkahwinan dengan melazimkan pencatatan rasmi dalam perkahwinan serta penalti dalam kesalahan perkahwinan agar pencegahan perkahwinan tanpa kebenaran dapat dikuatkuasakan secara berterusan. Namun begitu, perkahwinan tanpa kebenaran dalam Undang-Undang keluarga Islam yang menjurus kepada kesalahan tanpa kebenaran pihak berkuasa dan mahkamah dalam masyarakat di Malaysia sebenarnya bukan sahaja melibatkan pihak berwenang, namun turut menyumbang kepada konsekuensi dan kesan yang kurang baik terhadap golongan tertentu.

FAKTOR PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN DALAM MASYARAKAT ISLAM

Faktor Poligami Tanpa Kebenaran

Dalam sebuah kenyataan Muhammad Abdul Nasir Abdullah iaitu Penolong Pengarah Kanan Jabatan Agama Wilayah Persekutuan JAWI mendapati bahawa kes poligami yang berlaku dalam masyarakat melibatkan usia seseorang antara 25 tahun hingga 40 tahun.¹⁸ Ini dapat dibuktikan dari kajian Amir Husin Md. Nor dan Siti Safwati Mohd Shari (2006: 145-162) yang menyebutkan poligami antara penyumbang utama kepada kesalahan ini. Antara faktor berlakunya poligami tanpa kebenaran supaya dapat menjauhi

¹⁷ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003 (No. 17/2003).

¹⁸ Bernama (2018). "JAWI Rekodkan Lebih 500 Kes Nikah Tanpa Kebenaran," Astro Awani, 24 Oktober 2018.

tuntutan prosedur Mahkamah Syariah. Selain itu, pemohon didapati melakukan kesalahan ini kerana tidak mendapat restu dari isteri sedia serta tidak mahu diketahui sama sekali oleh orang sekeliling seperti keluarga dan majikan. Sementara itu, Mohd Nasran Mohamad (2008: 51) telah menyimpulkan dalam kajiannya bersama beberapa orang responden yang mengamalkan poligami tanpa kebenaran telah menyatakan bahawa wujudnya masalah dengan isteri pertama atau isteri sebelumnya mempunyai kecacatan adalah faktor poligami dilakukan secara rahsia. Shuhairimi Abdullah dan Noor Salwani Hussin (2015: 90) turut menyatakan mandul atau sakit berpanjangan hingga tidak mampu melaksanakan tanggungjawab menjadi punca terjadinya poligami.

Sebuah kajian oleh Muhammad Haiqal Mohammad Angkashah (2019: 41), Muhammad Helmi Md. Said, Noraini Md Hashim, Nora Abdul Hak, Roslina Che Soh, Fauziah Hani Ahmad Fuzi dan Khairul Shuhadah Yaakob (2020: 129-151) dan Norain Mohd Shah dan Khairul Azhar Meerangani (2021: 3) menyatakan tuntutan prosedur poligami di negara ini terlalu ketat dan rigid bahkan proses permohonan di Mahkamah Syariah memakan masa yang lama hingga menyebabkan pemohon memilih untuk berkahwin di luar negara. Selain perlu melengkapi dokumen wajib dan menjalani perbicaraan tertutup dengan isteri sedia ada, Mahkamah Syariah turut mengambil kira beberapa perkara seperti tujuan perkahwinan dilangsungkan, kemampuan menanggung kos sara hidup isteri dan bakal isteri, memberi layanan adil kepada semua isteri dan tidak mendatangkan kemudarat fizikal atau mental isteri.

Norain Mohd Shah dan Khairul Azhar Meerangani (2021: 10) serta Shuhairimi Abdullah dan Noor Salwani Hussin (2015: 90) turut menambah adakalanya permohonan untuk mendapatkan kebenaran bertulis untuk berpoligami di hadapan Mahkamah Syariah telah ditolak kerana didapati pemohon kurang berkelayakan dari segi kemampuan terutama dari sudut nafkah serta syarat-syarat lain yang ditetapkan. Ada sesetengah pihak turut beranggapan bahawa proviso yang ditetapkan dalam Enakmen dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam ibarat menyalahi hukum Islam sebenar yang mengharuskan poligami. Anggapan ini membawa kepada persepsi bahawa undang-undang hanya berperanan mengatur seseorang secara teknikal dan formal yang akhirnya berlaku perkahwinan tanpa kebenaran serta mengandaikan boleh melakukan pendaftaran perkahwinan setelah itu.

Faktor Ibu bapa atau Penjaga

Menurut Amir Husin Md. Nor dan Siti Safwati Mohd. Sharif (2006: 145-161) yang menyatakan alasan kekeluargaan turut dikaitkan dengan punca

kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran kerana tiada keizinan keluarga terhadap calon suami terutama wali. Terdapat juga faktor wali yang sengaja enggan menikahkan anak perempuan atas alasan masih di alam pengajian, tidak sekufu atau keluarga telah menemukan calon yang dianggap sesuai untuk anak perempuan mereka. Berdasarkan pernyataan Shuhairimi Abdullah dan Noor Salwani Hussin (2015: 87-88) meskipun halangan serta keengganan dipihak wali untuk bernikah dengan calon tersendiri banyak berlaku di dalam masyarakat, namun undang-undang menetapkan bahawa pihak wanita berhak untuk membuat aduan kepada mahkamah untuk diambil keterangan. Mahkamah akan menikahkan pasangan tersebut melalui wali hakim atas alasan yang dipastikan munasabah bahkan mahkamah juga berhak untuk menolak keterangan wali jika masih mempertahankan untuk melarang perkahwinan tersebut. Akan tetapi, prosedur di atas jarang diaplikasikan oleh pihak wanita berikutan tindakan menyaman wali dan melalui proses perbicaraan bersama wali dianggap berat untuk dilaksanakan hingga akhirnya mengundang kepada faktor perkahwinan tanpa kebenaran.

Selain itu, menurut Noor Salwani Hussin (2015: 109) terdapat beberapa kes terpencil yang melibatkan bapa enggan menjadi wali terhadap anak kerana dendam lama yang disimpan terhadap bekas isterinya. Antara kes perkahwinan tanpa kebenaran yang berpunca dari keluarga boleh dirujuk kepada kes pasangan yang berkahwin di Wilayah Songkhla, Thailand dengan menggunakan wali hakim di negara tersebut. Perkahwinan itu dilaksanakan di luar negara kerana faktor keluarga tidak merestui calon suami yang tidak mempunyai keturunan ‘Syed’. Pasangan itu juga didapati pernah melakukan permohonan untuk berkahwin di Pejabat Agama Temerloh Pahang tetapi tidak menerima sebarang tindak balas pihak pejabat tersebut.

Namun begitu, terdapat data yang berlawanan dengan pernyataan di atas berdasarkan statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2020: 16) dalam pelan perencanaan menangani punca perkahwinan bawah umur menyatakan faktor perkahwinan yang terjadi dalam keluarga bagi pasangan bawah umur ialah disebabkan pendapatan yang rendah dalam keluarga, kurangnya akses pengetahuan terhadap pendidikan kesihatan reproduktif seksual (SRH) dan stigma perkahwinan bawah umur dianggap jalan penyelesaian masalah yang terbaik dalam masyarakat. Begitu juga undang-undang yang telah memperuntukkan permohonan untuk berkahwin bagi yang berumur 18 tahun ke bawah dianggap punca peningkatan perkahwinan bawah umur. Dalam pada itu, UNICEF dalam statistiknya telah menyatakan bahawa perkahwinan bawah umur bagi masyarakat muslim pada tahun 2018 adalah lebih tinggi daripada masyarakat bukan muslim iaitu sebanyak 83 peratus berbanding 17 peratus bagi bukan muslim. Selain itu, “Wiki Impact Team”

di bawah terjemahan Nurul Shaeera (2020: 3) telah mengeluarkan statistik perkahwinan bawah umur yang sering berlaku dalam masyarakat muslim ialah berjumlah 5,000 orang bermula tahun 2013 hingga 2018 dengan menyasarkan bahawa punca utama perkahwinan tersebut adalah kerana kemiskinan keluarga.¹⁹ Ini sekaligus membuktikan bahawa terdapat segelintir wali yang membenarkan perkahwinan tanpa sebarang alasan meskipun usia pasangan masih di bawah umur.

Selain berkisar mengenai wali yang menjadi faktor perkahwinan tanpa kebenaran, Mohd Nasran (2008: 45-59) dan Ramizah Wan Muhammad (2017) membangkitkan mengenai isu hantaran yang diletakkan terlalu tinggi serta perbelanjaan kenduri kahwin yang besar bahkan permintaan yang ditetapkan bagi melangsungkan perkahwinan adalah bersifat pelik dari pihak keluarga perempuan hingga menyebabkan tekanan mendalam juga memungkinkan berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran yang dilihat sebagai jalan lain yang lebih mudah. Bukan itu sahaja, Mohammad Syakirin Zahari (2019: 64) menambah bahawa kos tambahan untuk membayar jurunikah, saksi serta buku nikah yang mencecah RM300 juga diperlukan dalam akad perkahwinan.

Faktor Individu

Menurut Mohd Nasran Mohamad (2008: 45-59), Mohammad Syakirin Zahari (2019: 63) dan Mohammad Arif Hanis Mohd Nasri (2018: 48) pergaulan bebas antara perempuan dan lelaki yang tiada halangan seperti berpesta dalam sesebuah acara hiburan akan mengundang kepada perbuatan khawat atau zina. Seterusnya mengakibatkan persetubuhan yang diharamkan dan hamil di luar nikah. Demi menutup malu atau menyembunyikan dari pengetahuan keluarga serta masyarakat, pasangan tersebut bertindak untuk berkahwin tanpa kebenaran samada di dalam atau di luar negara seperti negara jiran atas tujuan memelihara maruah dan aib masing-masing. Shuhairimi dan Noor Salwani menambah, tindakan berkahwin tersebut ialah untuk menghindar dari tuduhan berzina atau melakukan persetubuhan haram oleh pihak berkuasa dan Mahkamah Syariah (Noor Salwani Hussin, 2015). Walaupun kajian Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman dan Muhammad Yusuf Marlon (2020: 71-84) telah menyatakan punca kehamilan luar nikah kadangkala berlaku tanpa kerelaan dan dalam keadaan dipaksa seperti dalam 'kes rogol, namun statistik hamil luar nikah bagi kalangan yang melakukannya dengan rela adalah lebih tinggi iaitu 60 peratus berbanding tanpa kerelaan iaitu 40 peratus.

¹⁹ Wiki Impact Team (2020). *Kemiskinan Adalah Salah Satu Faktor Utama Perkahwinan Kanak-Kanak*, tej. Nurul Shaera.

Ini membuktikan bahawa kecenderungan terjadinya perkahwinan tanpa kebenaran dalam masyarakat di Malaysia adalah disebabkan hamil luar nikah atas kerelaan sebagaimana berdasarkan peratusan yang disebutkan sebelum ini.

Kewujudan Sindiket Nikah

Di dalam perundangan, Nur Zulfah Md Abdul Salam dalam Berita Harian²⁰ menyatakan istilah nikah sindiket telah diperuntukkan di bawah perkahwinan tanpa kebenaran. Konsep nikah sindiket yang telah diertikan oleh Intan Nadia Ghulam Khan, Nabilah Yusof, Hasnizam Hashim dan Haliza A. Shukor (2010: 22-41) merupakan sebuah fenomena masalah sosial yang tidak terbendung serta sudah lama wujud dikalangan masyarakat Malaysia atas matlamat desakan untuk berkahwin tanpa menghiraukan kesahan dari sudut syarak dan perundangan.

Menurut Shuhairimi Abdullah, Noor Salwani Hussin (2015: 90) dan Ahmad Syamin Subari (2020: 37) nikah sindiket merupakan salah satu punca penyumbang berlakunya perkahwinan di luar negara terutama di Selatan Thailand. Sindiket kahwin akan mengambil peluang ke atas orang yang ingin menggunakan jalan pintas untuk berkahwin dengan menyediakan serta menguruskan juru nikah dan saksi-saksi nikah. Terdapat juga sindiket nikah yang membawa masuk juru nikah serta saksi-saksi nikah dari Thailand untuk tujuan Sijil Nikah dari Thailand dan pasangan yang bermasalah tidak berlu bersusah payah untuk ke luar negara. Namun hal ini akan mengundang kepada pemalsuan sijil nikah yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Majlis Agama Islam Selatan Thailand yang mengakibatkan fasidnya pernikahan tersebut.

Intan Nadia Ghulam Khan, Nabilah Yusof, Hasnizam Hashim dan Haliza A. Shukor (2010: 22-41) menganalisis faktor utama kepada nikah sindiket ini berpunca dari salah faham masyarakat mengenai Undang-Undang keluarga Islam sedia ada. Selain kewujudan Syarikat Sindiket yang berleluasa membantu dalam menguruskan saksi, dokumentasi, kad nikah palsu dan lain-lain berpunca aktiviti masih terus berlaku. Tambahan pula, lambakan laman-laman web nikah sindiket seperti “Kahwin Sindiket/Surat Nikah Palsu

²⁰ Siti Haliza Yusop (2021). “Nikah Sindiket Jejas Masa Depan Anak, Isteri,” *Berita Harian*, 6 Mei 2020.

di Sempadan Siam”,²¹ “Pernikahan di Thailand Sah Syarak”²² dan “Nikah Kahwin Selatan Thailand”²³ menggalakkan lagi pasangan yang berhasrat melangsungkan perkahwinan dengan cara yang lebih pantas dan mudah. Menurut Persatuan Peguam Syarie Malaysia (2018) rata-rata ejen sindiket nikah akan menggunakan “tema cepat dan murah” dalam mempromosikan nikah sindiket ini sekaligus menarik perhatian orang ramai untuk mendaftar.²⁴

Faktor Kewarganegaraan

Perkahwinan tanpa kebenaran yang melibatkan warga asing dilihat turut menjadi fenomena dalam masyarakat. Dalam kajian Matthew H. Amster dan Johan Lindquist (2005: 1-17) ada menyatakan bahawa proses permohonan untuk berkahwin bagi pasangan rakyat Malaysia dan warga asing akan melalui prosedur yang panjang bahkan melibatkan birokrasi yang ketat. Oleh itu, Amir Husin Md. Nor dan Siti Safwati Mohd Sharif (2006: 145-162), Shuhairimi Abdullah, Noor Salwani Hussin (2015: 90) dan Zaini Nasohah (2014: 2) menegaskan faktor terjadinya perkahwinan dengan warga asing untuk mengelak dari memenuhi prosedur yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri masing-masing seperti rakyat Thailand, Indonesia dan lain-lain. Namun begitu, terdapat beberapa tempat lain yang juga menjadi pilihan pasangan untuk berkahwin seperti Myanmar, Burma dan India.

Kajian Zaini Nasohah (2014: 2) mengenai perkahwinan rakyat Malaysia dengan warga asing menunjukkan bahawa rakyat Malaysia memilih 31 negara berbeza seperti Thailand yang merupakan angka tertinggi iaitu 419 pasangan, diikuti Indonesia dengan 228 pasangan, Pakistan dengan 45 pasangan dan Filipina dengan 18 pasangan. Seterusnya, warga asing yang turut menjadi pasangan pilihan masyarakat Malaysia berasal dari Bangladesh, Kemboja, Afrika Selatan, Nepal, Singapura, Perancis, Nigeria, Korea, Jepun, Afghanistan, Lubnan, Denmark, Amerika Syarikat, Iran, Arab Saudi dan Uzbekistan. Menurut beliau lagi, Faktor perkahwinan dengan warga asing ini bermula dari kehadiran warga asing di Malaysia atau warganegara Malaysia ke luar negara kebiasaannya untuk belajar, melancong, bekerja atau urusan dalam industri perniagaan secara tidak langsung membawa kepada hubungan peribadi antara

²¹ <http://nikah-siam.sukasamasuka.net/sindiket-nikah-palsu.html>, akses pada 25 Ogos 2022.

²² <https://www.nikahthailandhalal.com/>, akses pada 25 Ogos 2022.

²³ <https://www.nikahthailand.net/>, akses pada 25 Ogos 2022.

²⁴ <https://www.pgsm.org.my/2018/03/29/risiko-nikah-sindiket/>, akses pada 25 Ogos 2022.

keduanya. Perkahwinan tanpa kebenaran yang berlaku di luar negara adalah lanjutan dari perhubungan tersebut atas faktor alasan tidak berkesempatan untuk pulang ke Malaysia dan memerlukan kos yang tinggi. Sementara itu, faktor lain yang mendorong kepada perkahwinan tanpa kebenaran ialah perkahwinan dengan warga asing tersebut ialah pernikahan poligami.

Faktor Undang-Undang

Berdasarkan pernyataan Amir Husin Md. Nor dan Siti Safwati Mohd Sharif (2006: 145-162) serta Noor Salwani Hussin (2015: 116) kewujudan prosedur serta peraturan-peraturan perkahwinan berdasarkan undang-undang keluarga Islam amat merumitkan bagi segerintir masyarakat kerana memerlukan kepada pengorbanan masa dan wang seperti keperluan menghadiri kursus pra perkahwinan, membeli dan melengkapkan borang, mendapatkan surat akuan bujang, surat akuan mastautin, surat pengesahan *human immunodeficiency virus* (HIV), surat pengesahan Jabatan Pendaftaran Negara bagi pemastautin tetap, menghadiri temu bual dan sebagainya. Mohd Nasran Mohammad (2008) menambah prosedur seperti ini tidak dilaksanakan di Majlis Agama Islam di Selatan Thailand kerana masa yang diambil hanyalah satu hari sebelum akad nikah dilangsungkan. Malahan bukti bujang atau janda dari pihak perempuan hanyalah dengan mengemukakan surat cerai atau sijil kematian bekas suaminya sahaja. Justeru itu, dengan melihat kepada pelbagai dokumen serta keperluan yang diperlukan oleh undang-undang ini membawa kepada faktor perkahwinan tanpa kebenaran.

Menurut Mohd Zahiruddin Fahmi (2015: 82) yang menjelaskan bahawa faktor pelanggaran terhadap undang-undang perkahwinan sering berlaku dalam kes poligami. Norain Mohd Shah dan Khairul Azhar Meerangani (2021: 1-13) menyatakan bahawa sebahagian pasangan mempunyai hasrat berpoligami lebih sanggup untuk menjalani perkahwinan tanpa kebenaran mahkamah berbanding akur dengan prosedur permohonan yang dinggap lebih ketat dan rigid. Bahkan pasangan tersebut lebih rela untuk menjalani prosedur pendaftaran kemudiannya bagi mengesahkan perkahwinan tersebut di sisi undang-undang. Selain itu, kajian Miszairi Sitiris, Mustafa Mat Jubri dan Mohd Afandi Awang Hamat (2020: 315-331) menyatakan bahawa perkahwinan di luar negara terjadi atas faktor tidak mendapat restu wali seterusnya tidak mau menjalani prosedur undang-undang untuk mendapatkan wali hakim terutama dalam pasangan muda yang masih belajar dan belum mampu dari sudut zahir dan batin.

Hasil kajian Muhammad Helmi Md. Said, Noraini Md Hashim, Nora Abdul Hak, Roslina Che Soh, Fauziah Hani Ahmad Fuzi dan Khairul Shuhadah Yaakob (2020: 129-151) menganalisis bahawa faktor undang-undang yang ringan dengan menganggap perkahwinan boleh didaftarkan semula dengan membayar denda tidak melebihi RM1,000.00 sahaja melalui Program Pemutihan merupakan salah satu sebab kahwin lari. Hal ini sekaligus membuktikan bahawa denda yang berbentuk harta tidak memberikan impilkasi mendalam kepada pelaku. Sementara itu, Hasnizam Hashim, Intan Nadia Ghulam Khan, Haliza A. Shukor dan Nabilah Yusof (2020: 200-209) pula menambah, kahwin lari adalah dilarang dikalangan orang Islam kerana boleh menimbulkan kesan undang-undang di bawah kanun keseksaan atas jenayah melakukan penculikan walaupun tidak diperuntukkan secara khusus dalam Undang-Undang Syariah.

KESAN DARI PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN

Implikasi dari Sudut Syarak dan Perundangan

Pernyataan Hasnizam Hashim, Intan Nadia Ghulam Khan, Haliza A. Shukor dan Nabilah Yusof (2020: 206) berdasarkan hukum syarak, sekiranya sebuah perkahwinan yang didapati dilangsungkan tanpa memenuhi syarat rukun nikah iaitu syarat sah suami, isteri, wali, saksi dan Ijab Qabul maka perkahwinan itu adalah tidak sempurna dan hukumnya fasid atau batil. Pasangan haruslah difaraqkan (dipisahkan) serta merta bahkan suami tidak wajib membayar mahar perkahwinan sekiranya belum berlakunya jimak antara keduanya. Begitu juga kedua-duanya saling tidak mewarisi antara satu sama lain. Namun begitu, Khairul Fahmi Ramli (2020) menjelaskan jika telah berlaku jimak antara keduanya maka iaanya dikira sebagai persetubuhan syubhah. Shuhairimi Abdullah dan Noor Salwani Hussin (2015: 118) memberikan contoh perkahwinan yang boleh dikategorikan sebagai fasid seperti juru nikah yang tidak bertauliah, susunan wali yang salah dan lain-lain.

Selain akan bermasalah dari segi hukum syarak, pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran juga akan terdedah dengan kesukaran dalam mendaftarkan perkahwinan serta perlu menjalani hukuman mengikut prosedur undang-undang. Berdasarkan Enakmen Undang-Undang keluarga Islam Negeri Johor dalam Fasal 39 menyatakan bahawa seorang juru nikah yang tidak mempunyai kuasa dengan sengaja mengakadnikahkan seseorang akan di denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Fasal 40 memperuntukkan seseorang yang melangsungkan

perkahwinan tanpa kebenaran atau melangsungkan perkahwinan bersalah dengan peruntukan bahagian II enakmen yang sama akan dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Manakala Fasal 124 mengenai poligami tanpa kebenaran mahkamah menetapkan bahawa sesorang lelaki dengan sengaja melakukan akad nikah tanpa kebenaran bertulis daripada mahkamah sedangkan masih menjalani perkahwinan yang sebelumnya adalah dikira bersalah dan hendaklah dihukum dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau tidak melebihi enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali.²⁵

Menurut Noraini Mohd Hashim (2008: 23) pasangan juga boleh dituduh melakukan jenayah khalwat apabila gagal menunjukkan bukti telah berkahwin sebagaimana yang telah tertakluk dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah diseluruh negeri di Malaysia. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor dalam seksyen 27 menetapkan bagi pasangan yang sabit melakukan khalwat boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebih tempoh dua tahun atau kedua-duanya sekali.²⁶

Implikasi ke atas hak-hak pasangan

Pada hakikatnya, kesan negatif perkahwinan yang tidak berdaftar adalah terikat kepada kedua-dua belah pihak seperti yang dinyatakan oleh Noraini Mohd Hashim (2007: 23) bahawa mana-mana pasangan yang ingin melakukan urusan pembubaran perkahwinan seperti talak, Khuluk, Ta'lik, Li'an dan Fasakh hendaklah melakukan permohonan di bawah Undang-Undang Keluarga Islam Negeri masing-masing. Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) turut menegaskan bahawa kesan negatif perkahwinan tanpa kebenaran lebih menjurus kepada pihak isteri seperti kesukaran untuk mengajukan apa-apa permohonan di Mahkamah Syariah.²⁷ Selain itu, Mohd Nasran (2008: 56) tidak menafikan bahawa masalah yang perlu dihadapi oleh pihak isteri ialah apabila digantung tidak bertali jika pihak suami meninggalkannya bahkan mengakibatkan pihak isteri sukar untuk berkahwin lagi di masa akan datang.

Shuhairimi Abdullah, Noor Salwani Hussin dan Abdul Jalil Ramli (2021: 10) telah menyenaraikan hak-hak yang ternafikan ke atas seorang isteri selagi perkahwinan tidak didaftarkan secara sah iaitu isteri tidak boleh membuat sebarang tuntutan nafkah, mut'ah, harta sepencarian, pencen, harta pusaka,

²⁵ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003 (No. 17/2003).

²⁶ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997 (No. 4/1997).

²⁷ <http://www.pgsm.org.my/2018/03/30/pegawai-syarie-menulis-kahwin-lari-undang-penderitaan/>, Akses pada 5 september 2022.

hak pewarisan dan lain-lain hak, berikutan Mahkamah Syariah hanya akan memberikan layanan kepada perkahwinan yang telah direkodkan sahaja. Dalam isu harta warisan pula, masalah akan timbul ketika salah seorang dari suami atau isteri meninggal dunia hingga sukar untuk membuat tuntutan harta. Begitu juga dengan isteri yang dikahwini secara poligami yang telah kematian suami, meskipun sah dalam syarak tetapi ketiadaan dokumen undang-undang dari Mahkamah Syariah yang mengesahkan perkahwinan tersebut akan menyebabkan isteri hilang hak secara keseluruhannya kerana tidak didaftarkan.

Kesan kepada Anak-Anak

Selain bermasalah dalam menjalani semula prosedur pendaftaran perkahwinan, kesan lain berhubung pendaftaran juga turut berpotensi melibatkan pendaftaran anak-anak. Mohd Nasran Mohamad (2008: 55-56) dan Zaini Nasohah (2014: 3) dalam kajiannya menyatakan bahawa prosedur dalam mendaftarkan anak-anak tidak akan dilakukan melainkan pasangan telah mendaftarkan perkahwinan mereka secara sah. Jabatan pendaftaran Negara turut tidak akan mengeluarkan Sijil Kelahiran Anak sekiranya didapati Sijil Nikah atau dokumen lain pasangan tidak diiktiraf serta dilaksanakan di luar mukim dan bukan dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia. Berhujung dari masalah Sijil Nikah yang tidak didaftarkan akan menganggu masa depan, emosi dan timbulnya masalah dalam Pendidikan arus perdana anak-anak tersebut.

Menurut Noor Salwani Hussin (2015: 143-14) kesukaran dari sudut sah taraf anak akan timbul apabila Jabatan Pendaftaran Negara tidak dapat mendaftarkan anak tersebut, anak-anak pula akan tergolong dalam anak tak sah taraf dek kerana kegagalan ibu bapa mereka membuktikan kesahan perkahwinan mereka sekaligus menimbulkan kecelaruan dalam masalah nasab. Namun begitu, sekiranya perkahwinan dibuktikan sah dari sudut syarak oleh Mahkamah Syariah, maka anak tersebut boleh ber ‘bin’ atau ber ‘binti’kan bapa mereka. Berbeza dengan anak yang telah dipastikan tidak sah taraf, mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan yang telah bersidang pada 31 Julai 2017 menetapkan bahawa anak tersebut tidak boleh ber ‘bin’ atau ber ‘binti’kan dengan ayah biologinya melainkan dengan nama Abdullah atau nama-nama Allah yang lain.²⁸

²⁸ <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/736-bayan-linnas-siri-ke-106-isu-penamaan-bin-binti-abdullah-kepada-anak-tidak-sah-taraf-oleh-mahkamah-rayuan>, Akses pada 6 September 2022.

Selain itu, hak pewarisan terhadap anak yang dilahirkan tanpa dokumen yang sah juga boleh ternafi di sisi undang-undang kerana statusnya boleh dikatakan sama dengan anak tak sah taraf. Hasil kajian oleh Muhammad Aunurrochim Mas'ad dan Mohamad Zakwan Nafis Mohamed Zamri (2018: 5-6) menyatakan bahawa anak tak sah taraf masih boleh menerima harta dari ibunya atas ikatan ibu kandung yang melahirkannya tetapi akan terhalang dari mendapatkan hak pewarisan dari ayah biologinya bahkan tidak boleh menjadi walinya kesan dari status anak tersebut.

Kesan Sosial dalam kalangan Masyarakat

Menurut Zaini Nasohah (2014: 4) perkahwinan tanpa kebenaran yang dilangsungkan akan menimbulkan perpecahan antara dua belah keluarga serta pasangan disebabkan tiada restu. Konflik yang wujud juga membolehkan ikatan kekeluargaan putus dan berpecah belah dalam masa yang sangat panjang serta sukar untuk dipulihkan atas anggapan membelakangi keluarga serta perbuatan yang mengaibkan dimata masyarakat. Kementerian Kesihatan Malaysia (2017) yang telah menyebutkan secara khusus impak kahwin lari dikalangan belia dan remaja akan mendatangkan pelbagai kesan yang negatif. Antara impak yang dikaitkan ialah pasangan tersebut akan cenderung terlibat dalam pengambilan dadah atau alkohol, terjebak dalam perlakuan jenayah pelacuran serta pornografi, menjadi pelarian di negara luar, menjadi mangsa deraan suami, terlibat dengan sindiket pelacuran dan mengalami gangguan psikologi seperti kecelaruan dalam tingkah laku.²⁹

Tinjauan berdasarkan kajian Mohd Zahiruddin Fahmi (2015), Hasnizam Hashim, Intan Nadia Ghulam Khan, Haliza A. Shukor dan Nabilah Yusof (2020:207) mengenai implikasi bagi pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran undang-undang serta tiada rekod pendaftaran boleh menimbulkan keraguan dan kegusaran serta pandangan serong masyarakat sekeliling bahkan masyarakat beranggapan ianya suatu kesalahan zina atau khalwat. Justeru itu, demi menutup sangkaan buruk masyarakat, pasangan terpaksa menjauhkan diri dari masyarakat dengan bersembunyi dari orang ramai di tempat tertentu. Bahkan, akan mengundang pelbagai kekeliruan dalam masyarakat terhadap undang-undang dengan menyifatkan dan beranggapan ianya rumit dari segi prosedur terutama dalam masalah wali enggan dan perkahwinan dengan warga asing. Kesannya, peningkatan kepada kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran

²⁹ <https://www.facebook.com/myhealthkkm/photos/isu-remaja-kahwin-lari-telah-mendatangkan-masalah-terhadap-golongan-belia-dan-re/1477085955676264/>, Akses Pada 12 September 2022.

semakin meningkat saban tahun sebagaimana yang turut dilaporkan dalam media massa (Zaini Nasohah, 2014).

KESIMPULAN

Hasil dari sorotan kajian lepas yang telah dirangkumkan dalam kajian ini, kebanyakannya konsep perkahwinan tanpa kebenaran yang didefinisikan dalam kedudukan syarak akan dikaitkan dengan keizinan dan keberadaan wali perempuan. Setiap konsep dan teori dari sudut perundangan yang dibawakan pula memperlihatkan bahawa kekuatan istilah perkahwinan tanpa kebenaran lebih dekat di sisi undang-undang sepertimana yang terkandung dalam Enakmen atau Akta atau Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam di negeri masing-masing. Kewujudan undang-undang bukan sahaja memperlihatkan keunggulannya secara global, tetapi memandu masyarakat sejagat dalam melakukan sesuatu dengan lebih berhati-hati.

Fakta mengenai faktor dan implikasi kepada perkahwinan tanpa kebenaran membuktikan sikap masyarakat masa kini kebanyakannya kurang faham tentang kewujudan undang-undang. Sikap ini membuktikan meskipun kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran telah banyak diperbincangkan serta semakin mendapat respon yang baik dari sudut undang-undang, masih banyak kajian perlu diteruskan dalam mengambil kira kesalahan yang sentiasa berlaku dalam masyarakat serta isu-isu moden perkahwinan tanpa kebenaran sebenarnya memerlukan kepada kajian lanjutan mengenai pensabitan hukum yang lebih terperinci seperti isu pernikahan atas talian tanpa kebenaran atau isu ejen sindiket nikah yang semakin berleluasa meskipun tinggi bayarannya.³⁰ Selain itu, keperluan kepada kajian lanjutan dari aspek peningkatan kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran setelah era Pandemik Covid-19 adalah disarankan berikutnya kecenderungan peningkatan kepada kesalahan ini.³¹

RUJUKAN

Abu Isa Muḥammad bin Isa bin Saurah bin Musa at-Tirmizi (t.t) Al-Jami' As-Sahih wahuwa Sunan At-Tirmizi, vol. 3. Bayrūt: Dār al-Kutub Al-'Alāmiyah, 407, Bab Ma Ja'a La Nikah Illa Biwaliy, ḥadīth no. 1102.

³⁰ <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/06/848696/mahal-bukan-masalah>, Akses Pada 14 September 2022.

³¹ Nor Fazlina Abdul Rahim (2022). “Nikah Sempadan: Jangan Hanya Fikir Nak Kahwin, Fikir Juga Kemudarat, *Berita Harian*, 4 April 2022.

- Ahmad Syamin Subari (2020). “Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Orang Malaysia Menikah di Luar Negara: Studi Di Jabatan Agama Islam Negeri Perlis,” Tesis Sarjana Muda, Universitas Islam Negeri Sultan Thaha Saifuddin, Jambi.
- Amir Husin Md. Nor & Siti Safwati Mohd Sharif (2006). “Faktor Penyebab Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Luar Negara: Satu Kajian Di Mahkamah Rendah Syariah Muar,” *Jurnal Syariah*, Vol. 14, No. 2, 145-161.
- Anis Shuhaida Md Salleh & Noor ‘Aza Ahmad (2010). “Cross Boundary Marriage under Malaysian Family Law:Between a Dream of Life and Reality of Legal Requirements,” *Journal of Politics and Law*, Vol. 3, No. 2, 148-155.
- Atiqah Hazman, Bahiyah Ahmad & Norhidayah Pauzi (2020) “Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara Yang Masih Mempunyai Wali Nasab: Satu Analisis Ke Atas Fatwa Negeri Perlis” *Journal of Islam in Asia*, Vol. 17, No. 3 (Edisi Khas), 268-290.
- Bahagian pengurusan Fatwa (2010), *Kompilasi pandangan Hukum (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia)*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Bernama (2018). “JAWI Rekodkan Lebih 500 Kes Nikah Tanpa Kebenaran,” *Astro Awani*, 24 Oktober 2018.
- Bernama (2019), “Ejen Nikah Dedah Dua Alasan Utama Kahwin di Thailand”, *Astro Awani*, 4 Mac 2019.
- Hasil dapatkan kajian penulis pada tahun 2021.
- Hasnizam Hashim, Intan Nadia Ghulam Khan, Haliza A. Shukor dan Nabilah Yusof (2020) “Isu-Isu Berkaitan Pernikahan Yang Menyalahi Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia Dan Kaedah Penyelesaiannya,” *The 3rd International Conference of the Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law 2020 (INPAC 2020)*. Negeri Sembilan: Seremban, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 204-206.
- Kamus Dewan (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2020). Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Putrajaya: KPWKM.

- Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman dan Muhammad Yusuf Marlon (2020). “Implikasi dialami Remaja Hamil Luar Nikah: Kajian Di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor,” *Jurnal Pengajian Islam*, Vol.13, No.2, 71-84.
- Matthew H. Amster & Johan Lindquist (2005). “Frontiers, Sovereignty, and Marital Tactics: Comparisons from the Borneo Highlands and the Indonesia-MalaysiaSingapore Growth Triangle,” *The Asia Pacific Journal of Anthropology*, Vol 6, no.1, 1-17.
- Miszairi Sitiris, Mustafa Mat Jubri & Mohd Afandi Awang Hamat (2020), “Stipulation of Rights in the Practice of Nikah al-Khitbah According to the Fuqaha’ and the Islamic Family Law in Malaysia”, *Journal of Islam in Asia*, Vol.1, No.7.1, 315-331.
- Mohammad Arif Hanis Mohd Nasri (2019), “Upaya Pencegahan Khalwat Oleh JHEAT (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Terengganu Menurut Hukum Islam,” Tesis Sarjana Muda, Perbandingan Mazhab, Fakultas Syariah, Universitas Islam Negeri Sultan Thaha Saifuddin, Jambi.
- Mohammad Azam Hussain & Fauziah Mohd Noor (2020). “Pernikahan Orang Islam di luar Negara Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia,” dalam *Dimensi Kemanusiaan dalam Perundangan Merentas Sempadan*, ed. Rohana Abdul Rahman, Ahmad Shamsul Abd Aziz & Yusramiza Md. Isa. Kedah: Universiti Utara Malaysia, 93-113.
- Mohammad Syakirin Zahari (2019). “Status Hukum Pernikahan Yang Dilaksanakan Oleh Wali Hakim Luar Negeri: Studi Kasus Di Mahkamah Syariah Negeri Kelantan,” Tesis Sarjana Muda, Syariah dan Undang-Undang, Fakultas Syariah, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh.
- Mohd Nasran Mohamad (2008). “Perkahwinan Tanpa Kebenaran Rakyat Malaysia di Selatan Thailand,” *Al-Nur Journal of Graduate School*, Vol.3, No.5, 45-59.
- Mohd Zahiruddin Fahmi Ahmad Zakhi (2015). “Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur: Kajian Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”, Desertas Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Aunurrochim Mas'ad dan Mohamad Zakwan Nafis Mohamed Zamri (2018). “Status Anak Luar Nikah: Satu Kajian Ke Atas Hak Harta Pusaka Mengikut Fiqh Islam Dan Undang-Undang Syarak Wilayah Persekutuan,” dalam *isu-isu semasa Islam dan Sains*, ed. Zahari Mahad Musa dan Dina Supaat. Negeri Sembilan: Nilai, Universiti Sains Islam Malaysia, 5-6.

- Muhammad Haiqal Mohammad Angkashah (2019). “Nikah Tanpa Izin Pengadilan Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Terengganu 2017: Studi Kasus Di Daerah Kuala Terengganu, Negeri Terengganu, Malaysia,” Tesis Ijazah Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universitas Islam Ar-Raniry Darussalam, Banda Aceh.
- Muhammad Helmi Md. Said, Noraini Md Hashim, Nora Abdul Hak, Roslina Che Soh, Fauziah Hani Ahmad Fuzi dan Khairul Shuhadah Yaakob (2020). “Kajian Sosio-Perundangan Perkahwinan Merentasi Sempadan di Nusantara.” *Journal of Nusantara Studies*, Vol.5, No.2, 129-151.
- Noor Salwani Hussin (2015), “Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Kajian Terhadap Kes-Kes di Mahkamah Syariah Negeri Perlis Dari Tahun 2006 Hingga 2010”, Tesis Sarjana, Sastera, Pengajian Islam, Universiti Utara Malaysia, Perlis.
- Norain Mohd Shah & Khairul Azhar Meerangani (2021). “Faktor poligami tanpa kebenaran: analisis kes di Mahkamah Syariah Muar, Johor,” *e-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)*, Vol. 1, 1-13.
- Noraini Md Hashim (2007). “Prosedur dan Pendaftaran Perkahwinan,” dalam *Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia: Undang-Undang Keluarga (Islam)*, ed. Najibah Mohd Zin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1-39.
- Noraini Md Hashim, (2011). “Cross Border Marriage (CBM): A Comparative Study on The Profiles and Factors of CBM Among Malays in Malaysia” *Makalah, Seminar Kebangsaan Polisi Keluarga Malaysia 2011, Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga*. Selangor: Serdang, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 14-15 September 2011.
- Nor Fazlina Abdul Rahim (2022). “Nikah Sempadan: Jangan Hanya Fikir Nak Kahwin, Fikir Juga Kemudarat, *Berita Harian*, 4 April 2022.
- Nur Lela Zulkipli (2019), “Kes Dai Farhan Diadu Kepada JAIS”, *Harian Metro*, 12 Disember 2019.
- Nurul Hidayah Abdul Karim & Siti Hajar Abdul Rauf (2020). “Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Analisis Kes di Mahkamah Rendah Syariah Pekan, Pahang,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Vol. 21, No. 3, 101-112.
- Osman Lisut (2019), “70 Peratus Nikah Sindiket Tidak Patuh Syariah”, *Berita Harian*, 14 April 2010.
- Ramizah Wan Muhammad (2017). “Suka Duka Kahwin Lari di Sempadan,” *Berita Harian*, 10 November 2017.

- Shuhairimi Abdullah & Noor Salwani Hussin (2015). *Perkahwinan Tanpa kebenaran: Wacana Dari Sudut Hukum dan Perundangan Islam*. Kangar: Penerbit Universiti Malaysia Perlis.
- Shuhairimi Abdullah, Noor Salwani Hussin & Abdul Jalil Ramli (2021), “Impak Perkahwinan Tanpa Kebenaran Terhadap Pasangan dan Institusi Kekeluargaan. Kajian Kes Di Negeri Perlis”, *The 2nd International Conference on Communication in Scientific Inquiry (CSI)*. UniMAP: Pusat Sains Liberal, Fakulti Sains Gunaan Dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis. Ogos 2021.
- Siti Haliza Yusop (2021). “Nikah Sindiket Jejas Masa Depan Anak, Isteri,” *Berita Harian*, 6 Mei 2020.
- Team MW (2020). “Wanita! Jangan Terpedaya Pujukan Kahwin Lari, Buruknya Terpalit Ke Diri Sendiri,” *Mingguan Wanita*, 3 Jun 2020.
- Wiki Impact Team (2020). *Kemiskinan Adalah Salah Satu Faktor Utama Perkahwinan Kanak-Kanak*, tej. Nurul Shaera.
- Zaini Nasohah (2014). “Prospek Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah Untuk Kes-kes Kesalahan Nikah Tanpa Kebenaran Melibatkan Lelaki Warga Asing,” *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014; Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-disiplin*, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, Bangi: Selangor. Universiti Kebangsaan Malaysia, 20 April 2014.

Laman Sesawang

- <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/06/848696/mahal-bukan-masalah>, Akses Pada 14 September 2022.
- <http://nikah-siam.sukasamasuka.net/sindiket-nikah-palsu.html>, Akses pada 25 Ogos 2022.
- <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/736-bayan-linnas-siri-ke-106-isu-penamaan-bin-binti-abdullah-kepada-anak-tidak-sah-taraf-oleh-mahkamah-rayuan>, Akses pada 6 September 2022.
- <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/27657?language=my>, Akses pada 5 Mei 2022.
- <https://www.nikahthailand.net/>, Akses Pada 25 Ogos 2022.
- <https://www.nikahthailandhalal.com/>, Akses Pada 25 Ogos 2022.
- <https://www.facebook.com/myhealthkkm/photos/isu-remaja-kahwin-lari-telah-mendatangkan-masalah-terhadap-golongan-belia-dan-re/1477085955676264/>, Akses Pada 12 September 2022.

Sorotan Literatur terhadap Polemik Perkahwinan Tanpa Kebenaran di Malaysia

<https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2015/01/09/rozana-tegur-awie>,
Akses Pada 5 Mei 2022.

<https://www.pgsm.org.my/2018/03/29/risiko-nikah-sindiket/>, Akses Pada 25 Ogos 2022.

<http://www.pgsm.org.my/2018/03/30/peguam-syarie-menulis-kahwin-lari-undang-penderitaan/>, Akses pada 5 september 2022.

“Portal Rasmi E-Syariah”, <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20E-Syariah%20BI/E-Syariah%20Main%20Portal>, Akses pada 5 September 2022.

Senarai Statut

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997 (No. 4/1997).

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003 (No. 17/2003).

